



UUM ONLINE: UUM Service Desk atau Meja Khidmat Universiti Utara Malaysia (UUM) diperkenalkan bagi menggantikan e-aduan yang dibangunkan sebelum ini untuk menerima aduan bagi penambahbaikan dalam sistem perkhidmatan di universiti ini.

Naib Canselor Prof. Dr. Mohamed Mustafa Ishak berkata, sistem ini yang mula operasi dibawah pemantauan Unit Komunikasi Korporat (UKK) dan Pusat komputer (PK) diperkenalkan bagi memberi perkhidmatan yang lebih berkualiti kepada mereka yang berurusan dengan universiti ini.

Katanya, Jawatankuasa Pengurusan Universiti (JPU) melihat sistem ini memberi perkhidmatan yang lebih cepat dan baik daripada sistem sebelum ini.

"Pihak JPU melihat melalui sistem ini, segala maklumat sama ada aduan, cadangan atau pandangan boleh disampaikan terus kepada pihak yang berkenaan dalam masa yang cepat dan tindakan juga harus dilakukan dengan segera supaya pihak yang ingin mendapat penjelasan atau aduan itu berpuas hati," kata beliau ketika berucap di majlis pelancaran sistem UUM Service Desk di Foyer Jabatan Canselori petang tadi.

Melalui aduan yang diterima, pihak berkenaan harus mengambil tindakan segera kerana pemantauan dilakukan dua kali dalam sehari mengenai aduan yang disampaikan.

Bagaimanapun, sebelum ini, apa yang diamalkan ramai pihak tidak tahu menahu pihak yang membuat aduan sehingga tindakan tidak boleh diambil atau diselesaikan dalam kadar segera.

"Oleh itu, sistem yang dibangunkan oleh Pusat Komputer ini dilihat bukan sahaja dapat menjana pendapatan universiti jika menarik minat mereka yang ingin menggunakan perkhidmatan ini namun yang penting sistem ini dapat meningkatkan kualiti perkhidmatan di universiti ini," ujar beliau lagi.

Beliau menambah sistem yang menggunakan dwi bahasa iaitu Bahasa Melayu dan Bahasa Inggeris ini kemungkinan akan menambah bahasanya memandangkan ramai pelajar antarabangsa yang melanjutkan pengajian di sini.

Perkhidmatan ini dijangka memberi peluang kepada pelajar, kakitangan mahupun mereka yang berurusan dengan universiti ini.

Sementara itu, Pengarah Pusat Komputer UUM Prof. Madya Nazib Nordin ketika ditemui berkata beliau akan berusaha untuk memperkembangkan perkhidmatan yang ditawarkan iaitu e-mail, portal dan telefon kepada sistem pesanan ringkas atau SMS.

Manakala, Pengarah Pusat Pengurusan Penyelidikan dan Inovasi (RIMC) Prof. Madya Dr. Mohd Fo'ad Sakdan berkata, perkhidmatan yang dilancarkan ini diharap memberi perkhidmatan yang lebih baik dan cepat daripada sebelum ini.

Sempena majlis pelancaran itu, Prof. Dr. Mohamed Mustafa Ishak turut menyampaikan surat lantikan kepada 30 Pengurus UUM Service Desk.

Mereka yang ingin membuat aduan, menyampaikan cadangan atau pandangan boleh menghantar ke email: servicedesk@uum.edu.my atau melayari <http://servicedesk.uum.edu.my>.

Habis.

**DARIPADA:
UNIT KOMUNIKASI KORPORAT**